

## Forum Masa Depan ASEAN

# Sokong keahlian penuh Timor-Leste dalam ASEAN

**Hanoi:** Malaysia komited menyokong keahlian penuh Timor-Leste dalam ASEAN.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penyeretaan Timor-Leste sebagai ahli penuh ASEAN adalah langkah penting bagi memastikan keterangkuman dan kestabilan serantau.

“Malaysia, Vietnam dan ramai rakan serantau berharap untuk menyambut anda sebagai ahli penuh ASEAN tahun ini agar dapat terus memainkan peranan dan autonomi strategiknya,” katanya dalam ucapan pada Forum Masa Depan ASEAN, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, ASEAN harus terus berpegang kepada prinsip perpaduan dan kerjasama, terutama dalam menangani isu geopolitik dan ekonomi yang semakin kompleks.

“Namun, ASEAN harus sentiasa ingat bahawa keterpaduan bukanlah satu hak, tetapi satu keistimewaan yang perlu diperolehi dan dipertahankan dalam menghadapi perubahan keadaan,” katanya.

Perdana Menteri turut menggariskan kepentingan strategi pembangunan mampan dan tabir urus yang kukuh bagi memastikan setiap negara anggota

ASEAN, termasuk Timor-Leste, dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan rantau ini.

Anwar menyampaikan ucapan pada Forum Masa Depan ASEAN, semalam dan turut menyertai perbincangan panel bersama Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh; Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon dan Presiden Timor-Leste, Jose Ramos-Horta.

Dalam sesi itu, Perdana Menteri diajukan soalan daripada delegasi meliputi isu berkaitan produk halal untuk negara ASEAN, keselamatan siber, teknologi semikonduktor, kecerdasan buatan (AI) dan perubahan iklim.

### **Kerjasama syarikat minyak**

Dalam pada itu, Anwar berharap agar kerjasama antara syarikat minyak negara Petrolia Nasional Bhd (PETRONAS) dan Vietnam Oil and Gas Group (Petrovietnam) di kawasan sempadan maritim kedua-dua negara dapat dimeterai Mei ini.

Beliau berkata, kerjasama membabitkan pelaburan bernilai berbilion ringgit itu bakal memberi pulangan yang baik kepada kedua-dua negara.

“Kita akan selesaikan, makna-

nya perjanjian (antara PETRONAS dan Petrovietnam) diharapkan dapat dimeterai pada Mei (ini),” kata Anwar kepada media Malaysia selepas menyampaikan ucapan pada forum ASEAN Future Forum kedua anjuran Kementerian Luar Vietnam, semalam.

Terdahulu menerusi hantaran di laman Facebook beliau, Anwar berkata, PETRONAS dan Petrovietnam akan mempercepat kerjasama dalam sektor tenaga di Vietnam, merangkumi aktiviti di sektor hulu dan hiliran, gas dan tenaga boleh baharu.

Menurut beliau, syarikat minyak kedua-dua negara itu sedang giat menggerakkan kerjasama dalam penjana kuasa dan sambungan grid dari Vietnam ke Malaysia dengan memfokuskan kepada sektor tenaga boleh baharu.

Pada sidang media itu Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan inisiatif Grid Tenaga ASEAN itu berkemungkinan akan turut merangkumi selatan Filipina.

“Grid Tenaga ASEAN yang sepatutnya (dirancang) dari Vietnam, sama ada dari dasar laut Kelantan dan terus ke selatan ataupun dari darat ke Kemboja,

Laos dan Thailand dan Semenanjung terus ke Singapura dan jaringannya ke Indonesia, Sarawak dan Sabah dan mungkin sehingga ke selatan Filipina. Sebab itu hubungan kita dengan Vietnam agak kritikal,” katanya.

Jumlah perdagangan antara

Malaysia dan Vietnam pada 2024 meningkat 4.4 peratus kepada AS\$18.14 bilion (RM83.11 bilion) daripada AS\$17.38 bilion pada tahun sebelumnya, mencerminkan peningkatan dagangan antara kedua-dua negara anggota ASEAN itu.